

# Impak jambatan kedua

UM-12/4/2006

Oleh NOR AZIAH JAAFAR  
(WARTAWAN UTUSAN)

## RMK-9

**HARAPAN** rakyat Pulau Pinang akhirnya terjawab apabila Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa projek jambatan kedua seperti yang diminta akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pengumuman tersebut ternyata melegakan penduduk Pulau Pinang terutama kerajaan negeri sendiri setelah beberapa lama diselubungi tanda tanya mengenai status pembinaan jambatan sepanjang 24 kilometer yang dijangka melibatkan kos sehingga RM2.7 bilion.

Ketua Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dalam reaksi beliau mengenai pengumuman Perdana Menteri itu jelas menggambarkan kegembiraannya apabila berkata ia merupakan hadiah paling besar dan dinanti-nantikan oleh rakyat bagi memacu lagi ekonomi Pulau Pinang, sekali gus menunaikan janjinya kepada rakyat negeri itu.

Dalam nada gembira, beliau memberitahu; "Jajaran pembinaan jambatan kedua yang menghubungkan Batu Kawan di Seberang Prai hingga Batu Maung di bahagian pulau kini sedang di peringkat akhir untuk dimuktamadkan."

Umum mengetahui, pendirian kerajaan negeri dalam isu pembinaan jambatan kedua itu amat jelas sejak cadangan asal pembinaannya dilulus dan diumumkan pada tahun 2003. Pendek kata, kerajaan negeri tetap mahukan jambatan kedua bagi menangani masalah kesesakan yang semakin meruncing di Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan Prai dan Gelugor sejak dibuka 21 tahun lalu dan mencapai tahap kesesakan maksimum beberapa tahun lepas iaitu mencecah 55,000 kenderaan sehari.

Selain faktor kesesakan, keperluan jambatan kedua juga adalah bagi memenuhi keperluan strategik malah ia juga 'satu kemestian bagi tujuan keselamatan'.

Rasionalnya, mana-mana pusat bandar metropolitan dunia mempunyai lebih daripada satu jalan penghubung dan Pulau Pinang juga tidak terkecuali dalam hal ini.

Apatah lagi dengan pertumbuhan sektor industrinya yang pesat serta kedudukannya sebagai destinasi tumpuan pelancongan, lambat-laun pembinaan jambatan kedua tidak boleh diabaikan.

Lebih penting, dari segi ekonomi,

pembinaan jambatan kedua akan membolehkan penduduk sekitarnya menikmati faedah pembangunan sosioekonomi yang lebih seimbang dalam tempoh jangka panjang.

Pensyarah Ekonomi Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Amir Hussin Baharuddin menganggarkan, kawasan persekitaran yang menikmati kemudahan jambatan kedua akan menyaksikan kadar pertumbuhan meningkat sehingga enam peratus dalam tempoh 10 tahun.

### Merangsang

Antara kawasan yang akan terkena tempias pembangunan daripada kewujudan laluan kedua itu termasuk Balik Pulau, Relau dan Bayan Lepas di sebelah pulau dan juga Batu Kawan serta Nibong Tebal di Seberang Prai.

Malah negeri jiran seperti di utara Perak dan selatan Kedah turut tidak terkecuali akan mendapat manfaat daripada pembinaan jambatan kedua yang bertujuan untuk merangsang pertumbuhan wilayah utara.

Ini termasuk pembangunan infrastruktur, hartanah dan peluang perniagaan serta pekerjaan yang akan meningkatkan kesejahteraan penduduk di kawasan terlibat.


"Dalam era ini, kemampuan sesebuah negeri menyediakan kemudahan asas adalah faktor utama bagi pembangunan sosioekonominya.

"Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan membuka peluang pertumbuhan ekonomi di sebelah selatan pulau sekali gus mengimbangi kepesatan yang dinikmati Georgetown" kata Amir Hussin.

Apa pun, seperti yang dijangka, impak cadangan pembinaan jambatan kedua sudah mula membungakan hasil walaupun sebelum ini pembinaannya ditangguhkan.

Paling ketara, kawasan Batu Kawan yang dulunya ladang kelapa sawit sedang berubah wajah menjadi sebuah bandar baru melalui projek pembinaan Bandar Cassia.

Bandar Cassia yang meliputi kawasan seluas 2,530 hektar di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pi-



KEADAAN lalu lintas jambatan Pulau Pinang yang sesak pada musim cuti umum.

**Kawasan persekitaran yang menikmati kemudahan jambatan kedua akan menyaksikan kadar pertumbuhan meningkat sehingga enam peratus dalam tempoh 10 tahun**

**DR. AMIR HUSSIN BAHARUDDIN**  
Pensyarah  
Ekonomi  
Universiti Sains  
Malaysia

ning (PDC) dibangunkan dengan kerjasama Abad Naluri Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Equine Capital Berhad akan menjadi pemangkin pembangunan di kawasan sekitarnya.

Pembangunannya yang bersepadu meliputi perumahan, pusat komersial dan rekreasi akan menjadikan Bandar Cassia sebagai bandar baru terbesar di kawasan Seberang Prai mengatasi Seberang Jaya dengan cadangan pembinaan meliputi tempoh 20 hingga 25 tahun dengan sasaran penduduk 150,000 orang.

Dengan kehadiran jambatan kedua, sambutan terhadap projek itu memang hebat apabila fasa pertamanya meliputi 800 unit kediaman bernilai RM80 juta habis dijual hanya selepas enam bulan dilancarkan dan fasa kedua bakal dilancarkan bila-bila masa sahaja.

Pengerusi Eksekutif Equine, Datuk Patrick Lim ketika mengumumkan perkara itu baru-baru ini berkata, antara komponen prasarana yang bakal disediakan di kawasan itu adalah pusat pentadbiran kerajaan, taman perindustrian, bazar elektronik, pusat tamadun Islam, hotel, dewan persidangan, masjid dan kawasan taman serta rekreasi.

Kesemua kemudahan rekreasi itu bertaraf antarabangsa seperti Pusat Ekuestrian Antarabangsa Pulau Pinang, padang golf, taman tema air, resort serta hutan simpan bakau akan memberikan kemudahan kelas pertama kepada penduduk.

Penyediaan kemudahan kelas pertama itu selaras dengan rancangan kerajaan negeri untuk menjadikan Bandar Cassia sebagai Bandar Siber ketiga di Pulau Pinang menjelang tahun 2008 selepas Bayan Lepas diikuti Bertam.

Dan, pada tahun kewangan 2006, Abad Naluri akan melancarkan 550 unit perumahan dan komersial dengan nilai kasar pembangunan sebanyak RM102 juta. Untuk pembangunan akan datang, PDC dengan kerjasama pemaju termasuk Equine telah merancang pembinaan beberapa projek perumahan untuk menampung permintaan yang dijangka semakin meningkat di kawasan Batu Kawan.

Ia termasuk pembinaan 2,918 unit perumahan dan 98 unit kedai meliputi kawasan seluas 136 hektar dengan nilai kasar pembangunan dianggarkan mencecah RM610 juta dan dijangka siap menjelang 2012.